

02/11/2003

Wawasan Dr Mahathir terus terjamin

A.A

PERSARAAN Tun Dr Mahathir Mohamad dan kemunculan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri telah pun berlaku, satu peralihan kuasa yang terencana. Impaknya meluas.

Media seberang (Jakarta Post berbahasa Inggeris) menegaskan peristiwa ini satu teladan bagi negara-negara jiran, satu kejayaan di sebuah negara yang sedang membangun bukan Eropah; satu bab yang akan terus memperkasakan pencapaian dan kestabilan sosio-politik Malaysia.

Kehadiran Abdullah di pentas dunia perlu bahkan harus memaksa perubahan sikap dan pemikiran negara-negara jiran dan sesetengah kuasa di luar wilayah Asean dalam hubungan mereka dengan kita.

Dr Mahathir, saya teka akan menemui ajal dalam jawatan tetapi saya silap hitung. Saya berbincang dan mengusiknya beberapa kali. Dia memberitahu saya "Cukuplah, dah lama, lagi pun saya telah dapat seorang yang sesuai bagi menggantikan saya, Pak Lah telah teruji... saya telah menjalankan tugas sedaya termampu... lagipun buat apa tinggal terlalu lama, nanti orang akan benci saya. Jangan tunggu seperti Suharto (digulingkan) juga Marcos (dihambat keluar Filipina), mati dalam buangan."

Reaksi antarabangsa bercampur, pukul rata memuji kejayaan Dr Mahathir tetapi tidak sepenuhnya, iaitu "qualified approval". Apa pun semua kawan dan musuh politiknya sekata dan sehati: mereka akan terkilan dan terasa kehilangan tanpanya di pentas politik global. Kata tiga wartawan BBC kepada saya: "No more fun - tak seronok lagi". Seteru politiknya mengakui kepintaran dan kepetahannya. Orang Cina Malaysia yang satu masa dulu amat mencurigainya kini amat sayang Dr Mahathir kerana mereka pragmatis; kepada mereka Dr Mahathir pelindung daripada politik Islam yang melampau. Di Barat pula walaupun mereka tidak tahan mendengar kelantangan retoriknya,